Bil ( 23 ) dlm. MBKT. 07/7-1-16 PT 2 Tarikh : 12 Januari 2016

# MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **'220401/221001' DAN '220402/221002'** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

| BIL | NO. SH | KENYATAAN KERJA | KOD BIDANG |
|---|---|---|---|
| 1 | **SH 9/2016** | Kerja-Kerja Perkhidmatan Pencucian Bangunan Dan Kerja-Kerja Pembersihan Kawasan Di Pasar Kedai Payang, Bangunan TLK Dan Kawasan Persekitarannya<br><br>Bagi Tempoh 1 ( Satu ) Tahun<br><br>**Lawatan Tapak :**<br><br>**Tarikh : 19 Januari 2016 ( Selasa )**<br>**Waktu : 9.00 pagi.**<br>**Tempat : Kaunter Bayaran Pasar Kedai Payang.** | **220401/221001**<br>Mencuci Bangunan<br><br>Dan<br><br>**220402/221002**<br>Membersih Kawasan |

2. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Tingkat 6,** Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 30.00 senaskah.** Dokumen ini akan mula dijual pada hari **RABU 20 JANUARI 2016** hingga hari **RABU 27 JANUARI 2016 .** Untuk maksud ini wakil-wakil pemborong hendaklah membawa bersama-sama **Perakuan Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa pembelian Dokumen Sebutharga ini dibuat.

3. Satu salinan **Sijil Pendaftaran 'Kementerian Kewangan Malaysia'** hendaklah dikembarkan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR,**
**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,**
**TINGKAT 4-8, MENARA PERMINT,**
**JALAN SULTAN ISMAIL,**
**20200 KUALA TERENGGANU**

Atau memasukkan sendiri ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan di Bahagian Pengurusan Kontrak & Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan menulis disebelah luar " **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH 9/2016** " sebelum atau pada hari **KHAMIS. 28 JANUARI 2016 jam 12.00 tengahari.** Mana-mana sebutharga yang dihantar lewat daripada waktu serta tarikh tersebut, tidak akan diterima.

4. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan Taklimat akan disampaikan pada tarikh lawatan sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas. Kontraktor yang tidak hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak ini adalah tidak layak membeli/mendapatkan Dokumen Sebutharga ini.

4. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran dan keputusan adalah muktamad.

5. Kontraktor yang berjaya tetapi enggan manjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya.

***( DATO' HAJI MOHAMAD KAMIL BIN OTHMAN )***
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.